



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (19 JULAI 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **enam (6)** kes positif COVID-19 dilaporkan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini sebanyak **607** kes.

A. Kes Saringan Kendiri

Satu (1) kes iaitu kes ke-602 merupakan perempuan warganegara tempatan yang bekerja sebagai Petugas Kesihatan di Kuching. Kes telah menunjukkan tanda-tanda dan gejala ringan mulai 13 Julai 2020. Kes menjalani saringan kendiri COVID-19 kerana hendak melakukan perjalanan ke Pulau Pinang. Kes telah menjalani saringan swab rT-PCR COVID-19 di Borneo Medical Centre dan didapati positif pada 18 Julai 2020. Pengesahan kontak kes sedang dijalankan dan siasatan masih dijalankan.

B. Kes Pengesahan Dan Saringan Kontak Rapat Kepada Kes Positif COVID-19

(Kontak kepada kes Ke-584)

Kes ke-603 merupakan lelaki warganegara Indonesia yang bekerja di syarikat perikanan yang sama dengan kes ke-584 yang dikesan positif pada 15 Julai 2020. Kes telah disaring pada 18 Julai 2020 di Klinik Kesihatan Tanah Puteh dan didapati positif COVID-19 pada 18 Julai 2020. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut pada hari yang sama.

(Kontak kepada kes Ke-589)

Kes ke-605 adalah seorang warga tempatan yang mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19 yang telah dikesan pada 17 Julai 2020 iaitu kes Ke-589. Kes adalah adik kepada kes Ke-589. Beliau juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

C. Kes Saringan Rawak Ke Atas Guru Yang Balik Bertugas Ke Sarawak.

Satu (1) kes positif COVID-19 iaitu kes ke-604 melibatkan kes saringan ke atas guru yang balik bertugas ke Sarawak. Kes merupakan lelaki warganegara Malaysia yang berasal dari Kedah. Kes telah balik ke Sarawak pada 01 Julai 2020 dan diberi arahan kuarantin di rumah. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Kes menjalani saringan secara rawak yang telah diarah oleh pihak APM pada 17 Julai 2020. Kes telah menjalani kuarantin di rumah sehingga 17 Julai 2020.

D. Kes Saringan Rawak Memasukkan Pelawat Di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)

Kes pertama (kes Ke-606) merupakan lelaki warga tempatan telah disaring secara rawak melalui saringan kemasukkan ke Sarawak melalui Pintu Masuk Antarabangsa KIA dari Semenanjung Malaysia. Kes telah disaring pada 17 Julai 2020 di Klinik Kesihatan Petra Jaya dan didapati positif COVID-19 pada hari yang sama. Kes juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Pengesahan kontak dan siasatan kes masih dalam siasatan.

Kes kedua (kes Ke-607) merupakan seorang wanita warga tempatan yang menetap di Kedah. Beliau telah diarahkan untuk menjalani saringan secara rawak yang telah diarahkan oleh pihak APM pada 17 Julai 2020. Beliau pulang dari Kedah pada 8 Julai 2020 melalui Lapangan Terbang Pulau Pinang ke KIA Kuching. Kes datang ke Sarawak untuk melawat ahli keluarga di Kuching. Beliau juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Pengesahan kontak dan siasatan kes masih dalam siasatan.

Kluster Baru yang telah dikesan.

(Kluster Jeti)

Dua (2) kes positif COVID-19 telah dikesan melibatkan sebuah Jati Kapal Perikanan di Pending, Sarawak. Kes pertama kluster (Kes Ke-584) ini telah dikesan positif COVID-19 pada pada 15 Julai 2020. Kes kedua (Kes ke-603) juga merupakan lelaki warganegara Indonesia yang bekerja di syarikat perikanan yang sama dengan kes Ke-584 yang dikesan positif pada 15 Julai 2020. Kes telah disaring pada 18 Julai 2020 di Klinik Kesihatan Tanah Puteh

dan didapati positif COVID-19 pada 18 Julai 2020. Seramai 65 orang kontak telah dikenalpasti. Daripada jumlah tersebut, seramai 25 orang kontak telah disaring dimana 2 orang telah positif dan 23 orang adalah negatif. Seramai 21 orang masih belum diambil swab kerana masih berada di laut.

Setakat hari ini, terdapat TUJUH (7) kluster yang masih aktif iaitu

1. Kluster Tapak Pembinaan
2. Kluster Sarikat Kejuruteraaan
3. Kluster Mambong
4. Kluster Pusat Perubatan
5. Kluster Jupiter
6. Kluster Pasar Stutong
7. Kluster Jeti (Kluster baharu)

Kluster COVID-19 yang telah tamat.

(Kluster Kidurong)

Pada hari ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengisytiharkan bahawa Kluster Kidurong telah tamat. Kes positif COVID-19 terakhir yang melibatkan Kluster Kidurong telah dilaporkan pada 6 Julai 2020. Seramai 230 orang kontak rapat yang melibatkan ahli keluarga, rakan tempat kerja dan kontak sosial telah disaring. Seramai lapan (8) orang atau 3.48% telah didapati positif COVID-19. Kluster Kidurong diisyiharkan tamat setelah 28 hari tiada kes COVID-19 baru dilaporkan yang melibatkan kluster ini.

Dimaklumkan juga **tiada** kes baru yang telah sembuh dan discaj dari hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak **554** orang atau **91.27%**.

Seramai **35 orang** masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital dan jumlah kematian kekal **18 orang atau 2.97%**.

Hari ini sebanyak **19 PUI** baru dilaporkan dan **5 kes** masih menunggu ujuan makmal.

2. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)

Hari ini sebanyak **1,849 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (315), Restoran (402), Kilang (22), Bank (173), Pejabat Kerajaan (67), Penjaja (41), Pasar Tani/Awam (80), Tempat Ibadah (71), Tempat Riadah (63), Tapak Pembinaan (15) dan lain-lain (600).

Seramai **679 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (344), ATM (36), RELA (141), APM (91), PBT (45), KKM (10), KPDNHEP (3) dan Lain-lain agensi (9).

3. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,767** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

19 JULAI 2020

3.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	601	Kes sedang dirawat di hospital	35	5.77%
Kes Baharu	6	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	60,784	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	607	Jumlah kes kematian	18	2.97%
IR per 100,000 penduduk	19.68	Kes telah sembuh dan discaj	554	91.27%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	11		19	8,780
Menunggu keputusan	5			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		29	1	5	0	35
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)		0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		16	0	0	2	18
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0
	Kumulatif	469	32	22	31	554
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)		9	8	2	0	19

DAERAH KUNING (2)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Samarahan	0	526	0	101	0	94	0	4	3	3
2	Kuching	13	5,710	6	366	0	329	0	11	26	27
Jumlah		13	6236	6	467	0	423	0	15	29	30

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (38)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Bintulu	0	270	0	27	0	22	0	0	5	4
2	Sibu	0	104	0	9	0	8	0	0	1	1
3	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0
4	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0
5	Serian	0	297	0	21	0	21	0	0	0	0
6	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
7	Lundu	1	239	0	1	0	1	0	0	0	0
8	Bau	0	159	0	5	0	5	0	0	0	0
9	Limbang	0	28	0	9	0	8	0	1	0	0
10	Miri	5	783	0	23	0	22	0	1	0	0
11	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	45	0	3	0	2	0	1	0	0
13	Betong	0	174	0	16	0	16	0	0	0	0
14	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0
15	Mukah	0	38	0	1	0	1	0	0	0	0
16	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
17	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0
18	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Lubok Antu	0	20	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	29	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		6	2,544	0	140	0	131	0	3	6	5

Jumlah Besar	19	8,780	6	607	0	554	0	18	35	35
---------------------	-----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Kluster yang telah dikenalpasti.

Bil.	Kluster		Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat		
2	Kluster Seri Petaling		0	115	10 June, 2020		
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	115	3 June, 2020		
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10			15 May, 2020		
2c	Sub-Kluster Sibu	4			10 June, 2020		
2d	Sub-Kluster Bintulu	2			12 May, 2020		
2e	Sub-Kluster Limbang	7			26 May, 2020		
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7			12 May, 2020		
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10			3 June, 2020		
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3			3 June, 2020		
2i	Sporadik						
	i) Betong	6			15 May, 2020		
	ii) Samarahan	1			2 May, 2020		
	iii) Serian	1			6 June, 2020		
	iv) Kuching	9			12 May, 2020		
	v) Bintulu	2			18 April, 2020		
	vi) Miri	8			24 May, 2020		
	vii) Mukah	2			13 April, 2020		
	viii) Limbang	2			26 May, 2020		
3	Kluster PUI Itali		0	65	30 May, 2020		
4	Kluster Petugas Kesihatan Kuching		0	68	6 June, 2020		
5	Kluster Kidurong		0	8	19 July, 2020		
6	Kluster Tapak Pembinaan Kuching		0	3	Active		
7	Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching		0	2	Active		
8	Kluster Mambong		0	5	Active		
9	Kluster Jupiter		0	3	Active		
10	Kluster Pusat Perubatan Kuching		0	2	Active		
11	Kluster Pasar Stutong		0	2	Active		
12	Kluster Jeti		1	2	Active		
13	Kluster-kluster kecil		0	63	-		
14	Sporadik kes		0	47	-		
15	Kes import		0	26	-		
16	Masih dalam siasatan dan kes baru		5	5	-		
Jumlah			6	607			

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Kluster yang masih aktif

BIL	KLUSTER	KES BARU	KUMULATIF KES	TARIKH TERAKHIR DILAPORKAN	STATUS	TARIKH DIJANGKA TAMAT
1	Tapak Pembinaan Kuching	0	3	34.06.2020	Aktif	22.07.2020
2	Syarikat Kejuruteraan Kuching	0	2	12.07.2020	Aktif	09.08.2020
3	Mambong	0	2	14.07.2020	Aktif	11.08.2020
4	Jupiter	2	3	16.07.2020	Aktif	13.08.2020
5	Pusat Perubatan Kuching	1	2	16.07.2020	Aktif	13.08.2020
6	Pasar Stutong	2	2	17.07.2020	Aktif	14.08.2020
7	Jeti	1	2	18.08.2020	Aktif	15.08.2020

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **50 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **8 buah hotel** adalah seramai **443 orang**.

Manakala seramai **18,891 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 19.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (287)	Harbour View	116
2		Riverside (Astana Wing)	171
3	Miri (82)	Eastwood Valley	61
4		Meritz	21
5	Bintulu (30)	Wasan Inn	24
6		Motel Kapok	6
7	Limbang (17)	Purnama	17
8	Sibu (27)	Premier	27
Jumlah PUS			443

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **3 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,385 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 19.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	437
2	Miri	246
3	Bintulu	110
4	Samarahan	103
5	Sarikei	99
6	Sibu	91
7	Limbang	75
8	Betong	48
9	Serian	46
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
Jumlah		1,385

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **24 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 19.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	2
2	MP Kota Samarahan	1
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	6
5	MP Sibu	9
6	MB Miri	2
7	MD Lawas	1
Jumlah		24